

ANALISIS PERBANDINGAN TERHADAP PELAKSANAAN AR-RAHNU DI BANK RAKYAT DAN YAPIEM

ANALYSIS AND COMPARISON OF AR- RAHNU IMPLEMENTATION IN BANK RAKYAT AND YAPIEM

Wan Naimah Wan Daud¹
Profesor Madya Dr. Zakaria Bahari²
Dr. Murni Yusoff³

¹ PhD Student, Centre For Islamic Development Management Studies (USM), Malaysia
(E-mail: wannaimah@uitm.edu.my)

² Centre For Islamic Development Management Studies (USM), Malaysia
(E-mail: bzak@usm.my)

³ Centre For Islamic Development Management Studies (USM), Malaysia
(E-mail: murniyusoff@usm.my)

Article history

Received date : 11-5-2020
Revised date : 12-5-2020
Accepted date : 2-7-2020
Published date : 15-7-2020

To cite this document:

Wan Daud, W. N., Bahari, Z., & Yusoff, M. (2020). Analisis Perbandingan Terhadap Pelaksanaan Ar-Rahnu Di Bank Rakyat Dan Yapiem. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(30) 115 - 124.

Abstract: *Kewujudan institusi pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) telah menyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara melalui pembiayaan hutang berasaskan cagaran. Ar-Rahnu merupakan satu skim yang diperkenalkan untuk melindungi masyarakat Islam daripada transaksi gadaian yang berunsurkan riba. Tumpuan kajian ini menfokuskan kepada dua institusi yang dipilih iaitu Bank Rakyat dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia (YAPIEM). Objektif kajian ini untuk meneliti kaedah pelaksanaan Ar-Rahnu dan membuat analisis perbandingan bagi kedua-dua institusi tersebut. Kajian ini penting kerana perbezaan pelaksanaan di antara organisasi yang dipilih akan mempengaruhi gelagat pelanggan dalam proses mereka untuk menjalankan kontrak Ar-Rahnu. Data dikumpulkan melalui kaedah perpustakaan dan dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati pelaksanaan Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YAPIEM mempunyai persamaan dan perbezaan pada beberapa aspek yang menjadi tumpuan kajian iaitu dari segi objektif penubuhan, produk terkini yang ditawarkan, kepatuhan syariah dan ciri-ciri perkhidmatan. Kedua-dua institusi ini mematuhi kontrak Ar-Rahnu iaitu berasaskan kontrak qard al-hasan, al-wadiah yad dhamanah dan al-ujrah. Diharapkan kertas kerja ini dapat membantu pihak yang terlibat terutama para pelanggan Ar-Rahnu untuk membuat pilihan yang terbaik. Persaingan secara sihat amat penting dalam kalangan institusi untuk menggalakkan masyarakat memilih sistem gadaian berteraskan Islam.*

Kata kunci: Analisis Perbandingan, Ar-Rahnu, Bank Rakyat dan YAPIEM

Abstract: *The existence of the Islamic pawn broking institution or Ar-Rahnu in Malaysia has contributed to the strengthening of the country's economy through debt-based financing. Ar-Rahnu is a scheme introduced to protect the Muslim community from lending charges. The implementation of the scheme has grown rapidly in various Islamic financial institutions whether in banking or non-banking. The focus of this study is on two selected institutions, namely Bank Rakyat and the Malaysian Economic Development Foundation (YAPIEM). The objective of this study is to examine Ar-Rahnu's method of implementation and to compare comparisons between the two institutions. This study is important because differences in implementation between selected organizations will affect customer behavior in their process of carrying out Ar-Rahnu contracts. Data were collected through the library method and analyzed using content analysis. The results show that the implementation of Ar-Rahnu in Bank Rakyat and YAPIEM has similarities and differences in several aspects that are the focus of the study, in terms of the objective of setting up, the latest products offered. Shariah compliance and service features. Both institutions adhere to the Ar-Rahnu contract, which is based on qard al-hasan, al-wadiah yad dhamanah, and al-ujrah. Hopefully, this paper will help the parties especially Ar-Rahnu's customers to make the best choices. Healthy competition is very important among institutions to encourage the community to choose the Islamic based pawn broking system.*

Keywords: *Analysis and comparison, Ar Rahnu Implementation, Bank Rakyat and YaPIEM*

Pengenalan

Kewujudan institusi gadaian Islam di Malaysia atau dikenali sebagai Ar-Rahnu telah bermula hampir tiga dekad yang lalu. Dalam tempoh tersebut, institusi Ar-Rahnu telah berjaya merubah lanskap ekonomi yang lebih positif dalam penyediaan pembiayaan mikro kredit kepada semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Pajak Gadai Islam ditakrifkan sebagai transaksi di mana pembiayaan pinjaman diberikan oleh institusi Ar-Rahnu kepada pelanggan melalui kontrak *Al-Qard*, *al-Wadiah* dan *al-Ujrah*. Pelanggan perlu menyediakan emas sebagai cagaran pembiayaan pinjaman (Rafidah, Mohd Rizal dan Shifa, 2016). Ia juga merupakan produk pembiayaan jangka pendek bagi membantu golongan yang tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan seperti usahawan kecil dan sederhana (Salimah Yahaya, 2017).

Pensyariatan Ar-Rahnu dalam sistem muamalat Islam adalah menepati matlamat syara' dalam memastikan penjagaan harta yang merupakan salah satu daripada objektif *maqasid syariah*. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat bagi mendapatkan pembiayaan hutang secara cepat dan menjamin pembayaran balik kepada pemiutang (Azizah Othman, 2015).

Namun begitu, manfaat pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi Ar-Rahnu masih kurang diberikan perhatian oleh masyarakat Islam (Hasanudin Mohd Thas Thaker et al., 2020) . Justeru, institusi kewangan Islam perlu lebih proaktif untuk mencari kaedah terbaik bagi menarik lebih ramai pelanggan untuk memilih Ar-Rahnu sebagai pilihan utama mereka dan seterusnya berupaya melonjakkan ekonomi ummah.

Metodologi Kajian

Kertas kerja ini dilakukan berdasarkan kajian literatur yang menyorot penulisan, laporan serta hasil kajian lepas yang berkaitan dengan pelaksanaan Ar-Rahnu di Malaysia khususnya di Bank Rakyat dan YAPEIM. Fokus utama kajian ini adalah menganalisis pelaksanaan Ar-Rahnu di kedua-dua institusi tersebut daripada beberapa aspek yang telah diperincikan. Metod yang digunakan dalam menghasilkan kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada pendekatan kualitatif yang melibatkan sorotan dan analisis data sekunder yang diperoleh melalui dokumen, hasil kajian dan penulisan yang telah diteliti. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara sistematik menggunakan teknik analisis kandungan.

Latar Belakang Ar-Rahnu Bank Rakyat Dan YaPEIM

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 1985 bersetuju pada dasarnya dengan Rancangan Penubuhan Pajak Gadai Islam YaPEIM dan Bank Negara Malaysia mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Skim pada tahun 1992 bagi merealisasikan penubuhan Pajak Gadai Islam. Antara institusi yang menjadi perintis Ar-Rahnu adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (1993), Bank Islam Malaysia Berhad (1998) dan Koperasi YaPEIM Berhad (2000). Kajian ini menfokuskan kepada dua institusi utama iaitu Bank Rakyat dan YaPEIM.

Ar-Rahnu Bank Rakyat telah dilancarkan pada 27 Oktober 1993 dengan modal permulaan RM5 juta daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Bank Negara. Oleh kerana YaPEIM tidak mempunyai kelengkapan untuk mengurusnya, maka Bank Rakyat berperanan sebagai pengurus Ar-Rahnu. Kini Ar-Rahnu Bank Rakyat mempunyai 185 cawangan dan 74 francais Ar-Rahnu X'Change (Website Ar-Rahnu Bank Rakyat).

Bagi institusi YaPEIM pula telah memulakan operasinya sendiri melalui Koperasi YaPEIM Berhad pada 15 September 2000. Bersesuaian dengan objektif penubuhannya untuk membantu umat Islam yang kurang berkemampuan dan menawarkan pembiayaan hutang berasaskan cagaran yang bebas dari transaksi riba (Azizah Othman, 2015). YaPEIM dilihat lebih mesra dan berorientasikan pelanggan kerana kadar upah yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding beberapa institusi Ar-Rahnu yang lain. Terdapat sebanyak 203 cawangan dan sembilan kaunter bergerak Ar-Rahnu YaPEIM di seluruh Negara (Website Ar-Rahnu YaPEIM).


Pelaksanaan Operasi Ar-Rahnu Di Bank Rakyat Dan YaPEIM

Ar-Rahnu merupakan salah satu produk kewangan Islam berorientasikan kebajikan yang bertujuan membantu golongan yang memerlukan tunai dengan segera. Di Malaysia, pelaksanaannya dibahagikan kepada empat kategori iaitu institusi perbankan, institusi bukan perbankan, syarikat di bawah kerajaan negeri dan koperasi (Nor Fadhilah, Zurina, Nurul Wajhi, Shafina dan Wan Shahdila, 2015). Bagi kajian ini, penulis menfokuskan perbincangan terhadap pelaksanaan operasi Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YaPEIM sahaja. Kedua-dua institusi ini mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan disebabkan latar belakang dan objektif institusi yang berbeza (Asiah Alkharib Shah dan Salmy Edawati Yaacob, 2018).

Persamaan Operasi Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YaPIEM

Kedua-dua institusi ini memikul tanggungjawab untuk menawarkan produk Ar-Rahnu kepada semua masyarakat khususnya kepada golongan yang memerlukan kewangan tunai secara mudah dan cepat. Terdapat beberapa persamaan antara institusi Ar-Rahnu tersebut iaitu melibatkan prosedur Ar-Rahnu. Pada asasnya, setiap institusi Ar-Rahnu perlu menjalankan operasi yang bertepatan dengan piawaian syariah iaitu memastikan ketelusan dan kebajikan penggadai dijaga dengan baik. Rajah 1 di bawah menunjukkan carta alir prosedur operasi Ar-Rahnu yang dilaksanakan di kedua-dua institusi tersebut.

Rajah 1: Carta alir prosedur Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YaPIEM



Sumber: Ringkasan Pengkaji Terhadap Prosedur Gadaian Ar-Rahnu Bank Rakyat dan YaPIEM

Berdasarkan Rajah 1 tersebut menunjukkan tatacara pelaksanaan Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YaPIEM dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan. Semua prosedur tersebut dilakukan secara telus dan menepati kontrak syariah. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kedua-dua institusi ini mempunyai kepakaran dalam pengujian ketulenan dan kualiti emas, tetapi tidak mempunyai mekanisme dalam penentuan hak pemilikan emas. Ia disebabkan kesukaran dalam penentuan hak pemilikan kerana tidak ramai pelanggan yang menyimpan resit asal pembelian barang kemas terutama bagi barang yang telah lama diurusniagakan. Antara alat yang digunakan untuk mengukur kualiti emas adalah seperti gambar di bawah:



Gambar 1: Contoh Alat Densimeter

Gambar 1 tersebut adalah densimeter iaitu alat yang digunakan untuk menguji ketulenan emas di kebanyakan premis Ar-Rahnu. Penggunaan alat yang canggih dapat membantu institusi Ar-Rahnu untuk menguji tahap ketulenan emas dengan lebih efisien. Di samping itu, pemalsuan emas juga dapat dikurangkan. Menurut Abd Razak Mohd A. Kadir (2015), punca pemalsuan emas yang berlaku di premis Ar-Rahnu adalah disebabkan pemalsuan dokumen, kecurian, ketidakpatuhan prosedur dan masalah integriti staf. Isu pemalsuan ketulenan emas ini akan menjadi lebih rumit jika tidak dibantu dengan penggunaan teknologi yang canggih.

Selain itu, jenis barang gadaian yang diterima adalah emas sahaja. Ia bagi memudahkan transaksi gadaian dilakukan dalam tempoh yang segera dan terjamin keaslian sesuatu barangan. Emas putih dan sebarang jenis batu permata selain berlian tidak diterima oleh pihak Ar-Rahnu Bank Rakyat dan YaPIEM.

Aspek kepatuhan syariah juga sangat penting dalam membezakan antara gadaian Islam dan gadaian konvensional. Kebanyakan kajian lepas membincangkan tentang aspek syariah dalam operasi Ar-Rahnu di beberapa institusi termasuk di Bank Rakyat dan YaPIEM. Bagi menangani pelbagai isu yang berkaitan operasi Ar-Rahnu, penasihat syariah perlu memainkan peranan penting dalam mengawal selia segala transaksi yang dilaksanakan agar selari dengan prinsip syarak (Asiah Alkharib Shah dan Dziauddin Sharif, 2018).

Perbezaan Operasi Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YaPIEM

Pelaksanaan Ar-Rahnu di pelbagai institusi kewangan Islam telah mewujudkan perbezaan yang melibatkan beberapa aspek. Antaranya perbezaan dalam operasi dan kaedah pelaksanaan antara institusi terutama melibatkan kadar pinjaman, upah simpan, sumber kewangan dan matlamat penubuhan. Ar-Rahnu Bank Rakyat menawarkan pelbagai jenis produk untuk meningkatkan penajaan keuntungan. Sebagai sebuah institusi yang kukuh, isu seperti kemampuan modal, tenaga pekerja dan jaminan keselamatan tidak menjadi kekangan kepada mereka untuk memberi perkhidmatan Ar-Rahnu dalam skala yang lebih besar di setiap cawangan Bank Rakyat (Azizah Othman, 2015). Bagi Ar-Rahnu YaPIEM pula, sumber modal adalah daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia yang lebih terhad kadar pembiayaannya. Objektif utama Ar-Rahnu YaPIEM adalah membantu masyarakat dalam penawaran mikro kredit secara cepat dan mudah tanpa melalui prosedur yang menyulitkan. Namun begitu, kedua-dua institusi ini sentiasa mengoptimalkan strategi pemasaran masing-masing dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan (Salimah Yahaya, 2017).

Selain itu, perbezaan yang wujud antara Bank Rakyat dengan YaPIEM ialah produk-produk terkini yang ditawarkan. Peningkatan pelbagai jenis produk dari semasa ke semasa memperlihatkan institusi Ar-Rahnu sentiasa proaktif dan kompetitif dalam memberi penawaran produk Ar-Rahnu kepada masyarakat. Antara produk terkini yang ditawarkan oleh Ar-Rahnu di kedua-dua intitusi tersebut dapat diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Produk baru Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YaPIEM pada tahun 2019

Institusi	Produk Baru Ar-Rahnu	Kadar Pinjaman	Tempoh Gadaian
Ar-Rahnu Bank Rakyat	Pajak Gadai-i Ar-Rahnu	Pinjaman tunai sehingga RM350 000	6 bulan (maksimum lanjutan sehingga 18 bulan)
	Pajak Gadai-i Az-Zahab	Pinjaman tunai melebihi RM350000	6 bulan (minimum) 3 tahun(maksimum)
	Pajak Gadai-i Ar-Rahnu Genius	Pembiayaan pinjaman sehingga RM50000	3 Tahun
Ar-Rahnu YaPIEM	Ar-Rahnu Bisnes YaPEIM (Usahawan kecil)	Pembiayaan pinjaman sehingga RM150000	10 bulan
	Ar-Rahnu Didik YaPEIM (Pendidikan)	Pembiayaan pinjaman sehingga RM100000	10 bulan
	Ar-Rahnu Emas YaPEIM (Emas yang dikeluarkan YaPIEM)	Pembiayaan pinjaman sehingga RM200000	10 bulan

Sumber: Website Ar-Rahnu Bank Rakyat dan YaPIEM

Berdasarkan Jadual 1 di atas, didapati produk terkini yang ditawarkan lebih menfokuskan kepada pembiayaan pinjaman peribadi, pembiayaan modal perniagaan dan pembiayaan pendidikan. Sebagai contoh bagi Ar-Rahnu Bank Rakyat menawarkan produk Pajak Gadai-i Ar-Rahnu untuk pembiayaan peribadi dengan kadar pinjaman sehingga RM350,000, manakala bagi Pajak Gadai-i Az-Zahab adalah untuk pembiayaan pendidikan dengan kadar pinjaman melebihi RM350,000. Pajak Gadai-i Ar-Rahnu Genius pula untuk pembiayaan pendidikan. Kadar pinjaman tunai segera yang diberikan adalah sehingga RM50,000. Kelebihan Pajak Gadai-i Ar-Rahnu Genius ini adalah tempoh pembayaran balik sehingga tiga tahun dan merupakan tempoh yang paling lama diberikan oleh Bank Rakyat berbanding produk Ar-Rahnu yang lain. Ia merupakan satu tanggungjawab sosial bank kepada masyarakat dari aspek pendidikan yang bertujuan mengurangkan bebanan bayaran balik pinjaman oleh pelanggan kepada bank.

Di samping itu, Ar-Rahnu YaPIEM juga telah memperkenalkan tiga produk baru di samping produk sedia ada iaitu produk Ar-Rahnu Bisnes YaPEIM, Ar-Rahnu Didik YaPEIM dan Ar-Rahnu Emas YaPEIM. Ar-Rahnu Bisnes YaPEIM ditawarkan khusus kepada peniaga

bertujuan untuk membantu pelanggan yang memerlukan sumber kewangan bagi membiayai perniagaan dengan margin pinjaman yang lebih tinggi iaitu sebanyak 80 peratus. Bagi pendidikan pula, produk yang ditawarkan adalah produk Ar-Rahnu Didik YaPEIM yang menyediakan perkhidmatan pembiayaan pinjaman atau bantuan kewangan bagi tujuan pendidikan dengan margin pinjaman 75 peratus, dengan tempoh gadaian 10 bulan dan had pinjaman RM100,000. Manakala bagi Ar-Rahnu Emas YaPEIM pula menawarkan perkhidmatan dan produk kepada pelanggan YaPEIM Gold yang memerlukan pinjaman atau sumber kewangan melalui kaedah cagaran produk YaPEIM Gold seperti Gold Bar, Gold Coins dan barang kemas emas milik mereka. Kadar margin pinjaman adalah 80%, tempoh gadaian selama 10 bulan dengan kadar maksimum pinjaman yang ditawarkan adalah RM200,000.

Selain itu, kadar upah bagi setiap institusi juga berbeza. Kebanyakan institusi Ar-Rahnu mengenakan kos upah terhadap nilai barang cagaran yang disimpan. Terdapat pelbagai pandangan terhadap kadar upah yang dikenakan. Sesetengah pihak mempersoalkan mengapa pihak institusi Ar-Rahnu memberikan pinjaman *qard al-hasan* tetapi mengenakan upah dengan kadar yang berbeza. Situasi ini menggambarkan pihak institusi mengaut keuntungan yang tersembunyi dari transaksi gadaian tersebut (Azizah Othman, 2015).

Jumhur ulama pula berpandangan bahawa perbelanjaan menjaga barang gadaian adalah tertanggung di bawah tanggungjawab penggadai. Ia meliputi perbelanjaan untuk mengurus barang yang digadaikan dan jaminan keselamatan terhadap barang tersebut.

Bagi mendapatkan kefahaman yang lebih jelas tentang pelaksanaan upah di kedua-dua institusi tersebut, pengkaji telah menganalisis kadar upah terkini dan diringkaskan seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Perbezaan kadar upah simpan, had dan margin pinjaman Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YaPEIM bagi tahun 2019

Institusi	Produk	Had Pinjaman (RM)	Margin Pinjaman	Kadar Upah Simpan (bagi setiap RM100/bulan)
Ar-Rahnu Bank Rakyat	Pajak Gadai-i Ar-Rahnu	Sehingga RM1,000.00	65% 70%	0.65 0.75
		> 1,001.00 – 10,000.00	65% 70%	0.75 0.85
	Pajak Gadai-i Az-Zahab	> 10,000.00 - 100,000.00	65% 70%	0.75 0.85
Ar-Rahnu Genius	Pajak Gadai-i Ar-Rahnu	3,000.00 - 50,000.00	65% 70%	0.75 0.85

Ar-Rahnu YaPIEM	Ar-Rahnu Bisnes YaPEIM (Usahawan kecil)	75,000.00 (per transaksi) 150,000.00 (terkumpul)	80%	1.00
	Ar-Rahnu Didik YaPEIM (Pendidikan)	50,000.00 (per transaksi) 100,000.00 (terkumpul)	75%	0.85
	Ar-Rahnu Emas YaPEIM (Emas yang dikeluarkan YaPIEM)	100,000.00 (per transaksi) 200,000.00 (terkumpul)	80%	0.90

Sumber: Website Institusi Ar-Rahnu Bank Rakyat dan YaPIEM bagi tahun 2019

Berdasarkan Jadual 2 tersebut menunjukkan sememangnya wujud perbezaan antara Ar-Rahnu di Bank Rakyat dan YaPIEM pada beberapa aspek yang telah disenaraikan. Secara asasnya, kadar upah adalah mengikut nilai barang gadaian kerana pihak institusi bertanggungjawab terhadap risiko barang gadaian yang lebih tinggi berbanding jumlah hutang. Didapati kadar upah simpanan di YaPIEM adalah lebih tinggi iaitu antara RM0.85 hingga RM1.00 bagi setiap RM100 untuk setiap bulan berbanding kadar upah yang ditawarkan di Bank Rakyat. Keadaan ini berlaku kerana Ar-Rahnu YaPIEM menawarkan kadar margin pinjaman yang lebih tinggi iaitu antara 75 peratus hingga 80 peratus. Secara keseluruhannya, kadar upah simpan bagi kedua-dua institusi tersebut tidak wujud perbezaan yang ketara antara satu sama lain. Matlamat untuk membantu masyarakat menjadi keutamaan mereka dalam memberi penawaran perkhidmatan gadaian yang berteraskan Islam.

Menurut Nik Hadiyan Nik Azman, Salina Kassim dan Adewale Abideen Adeyemi (2018), mendapati kos upah simpan yang rendah dan kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan pinjaman kewangan menjadi penyebab utama penggadai terutama dalam kalangan wanita memilih Ar-Rahnu. Begitu juga dengan margin pinjaman dan tempoh gadaian yang ditawarkan mempengaruhi kecenderungan masyarakat untuk memilih gadaian Islam.

Tidak dinafikan perbezaan kadar upah simpan, had dan margin pinjaman sentiasa berlaku dalam kalangan institusi Ar-Rahnu sebagai strategi persaingan secara sihat dalam menawarkan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pelanggan. Di samping itu, pihak penggadai juga boleh membuat pilihan yang lebih baik berdasarkan ciri-ciri produk yang ditawarkan.

Kesimpulan

Institusi Ar-Rahnu di Malaysia mempunyai keupayaan untuk bersaing dan mampu mendominasi institusi pajak gadai konvensional yang telah lama bertapak di negara ini. Oleh yang demikian, pelbagai strategi telah dan sedang dilaksanakan oleh Bank Rakyat dan YaPIEM dalam menawarkan pelbagai produk baru di institusi mereka mengikut kecenderungan dan keperluan masyarakat tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syariah. Aspek persamaan dan perbezaan perlu dilihat dari sudut yang positif dalam memperkasa institusi kewangan Islam untuk bersaing secara lebih sihat dan saling mengukuh di antara satu sama lain dan seterusnya berupaya melonjakkan ekonomi negara.

Bibliografi

- Abd Razak Mohd A. Kadir. (2015). Penipuan di Dalam Industri Emas. Slide. Kuala Lumpur
- Asiah Alkharib Shah dan Dziauddin Sharif. (2018). Cabaran dan Alternatif Penyelesaian bagi Penyedia Perkhidmatan Ar-Rahnu di Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilisational Studies (UMRAN) UTM*. Vol 5, No 1: 31-43
- Azli, R.M., Palil, M.R., Nor, S.M. (2017). "Effect of Ar-Rahnu Benefits on Long-Term Relationship Between Customer and Institutions. *Jurnal Pengurusan* Volume 49. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azman, N. H. N., S. Kassim and A. A. Adeyemi. 2016. "Role of Ar-Rahnu as MicroCredit Instrument in Achieving Financial Self-Sufficiency among Women MicroEntrepreneurs," *Intellectual Discourse* Vol. 24, pp. 365–385
- Bahari, Nor Fadilah, Shafina Faisal, Wan Shadila Shahar, and Tajul Azli Shahadan. (2015). "The Development Of Islamic Pawnbroking In Malaysia , Application And Its Challenges." In *First International Conference on Economics and Banking (ICEB-15)*, 230–238.
- Baharum, Nadiyah Nabilah, Maamor, S. and Othman. A. (2015). "Examining The Factors That Influence Customer ' S Intention To Use Ar-Rahnu At Post Office : A Case Study In Kedah." *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 11(4): 86–99.
- Hamid, Mohamad Abd, Ishak Abd Rahman, Ahmad Nafis, and Abd Halim. 2016. "Key Factors Influencing Customers to Use Ar-Rahnu (Islamic Pawn Shop) in Malaysia: Evidence from Bank Rakyat." *The Macrotheme Review* 5(1): 108–118.
- Mohd Hussin, M.Y, et. al. (2016). Marketing Mixed Strategy and Its Relationship in Islamic Pawning Products Selection at Ar-Rahnu YaPIEM. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 175-190.
- Mohd Thas Thaker, H., Khaliq, A., Mohd Thas Thaker, M.A.B., Allah Pitchay, A.B. and Sakaran, K.C. (2020), "Drivers of Ar-Rahnu (pawn) acceptance: Malaysian evidence", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. ahead-of-print No. ahead-of-print.
- Muhamad, H., San, O. T., Katan, M. B. H., Ni, S. W. (2019). Factors That Influence the Customers' Perception towards Ar-Rahnu (Islamic Pawn Broking Product) in Selangor, Malaysia, *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences* 9 (2): 126-137.
- Nik Azman N.H, Kassim, S. and Adeyemi, A.A. (2018), Analysing ar-rahnu in the context of informal credit market theory: Evidence from women micro-entrepreneurs in Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance Open Access* Volume 10, Issue 2: 237-250.
- Othman, A. (2015). Pelaksanaan Ar-Rahnu di Institusi Perbankan dan Bukan Perbankan di Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam)*, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.

- Rafidah, Mohd Rizal dan Shifa, (2016). Effect of Ar-Rahnu Relationship Value on Long-Term Relationship between Customer and Institutions. *Jurnal Pengurusan* 49 (2017): 127-139.
- Rahman, N. N., and Kassim, S. H. (2017). Factors influencing acceptance of Ar-Rahnu: providers in Terengganu comparison between private and state Ar-Rahnu. *Middle East J. Management*, 4(1): 39-64.
- Yahaya S. (2017). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Usahawan Kecil Muslim di Kelantan. *Tesis Doktor Falsafah Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam)*, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Diakses pada 20 Jun 2020, di <https://www.irakyat.com.my/index.php/personal/pawn-broking-i/pawn-broking-i-ar-rahnu>
- Diakses pada 20 Jun 2020, di <http://yapeim.net.my/ar-rahnu-yapeim/>